

 UNIVERSITI MALAYA	PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT		
	GARIS PANDUAN PENGGUNAAN CAP DAGANGAN UNIVERSITI MALAYA		
TARIKH SEMAKAN	5/04/2023	TARIKH KUATKUASA	21/07/2022
NO. SEMAKAN	2	HALAMAN	1 / 5

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan berkenaan penggunaan cap dagangan Universiti Malaya serta peraturan-peraturan penggunaan yang ditetapkan. Garis panduan ini terpakai dalam setiap urusan, program dan/atau aktiviti yang melibatkan penggunaan cap dagangan Universiti Malaya (UM).

2. OBJEKTIF

- (1) Memastikan penggunaan cap dagangan UM terkawal daripada sebarang penyalahgunaan / eksploitasi yang boleh menjejaskan imej UM.
- (2) Mewujudkan sistem kawalan yang berkesan ke atas penggunaan cap dagangan UM supaya ia tidak disalahguna bagi tujuan kepentingan peribadi, organisasi, syarikat dan agensi yang boleh mengganggu gugat UM dalam segala bentuk atau aspek.
- (3) Memelihara nama baik, imej, kredibiliti dan reputasi UM melalui penggunaan cap dagangan secara sah dan bersesuaian.

3. SKOP

Garis panduan ini hanya terguna pakai bagi penggunaan cap dagangan Universiti Malaya merangkumi:

Cap Dagangan Universiti Malaya	Cap dagangan yang dimiliki dan dikawal oleh Universiti Malaya yang termasuk nama, logo, lencana, meterai, lambang, reka bentuk, simbol dan sebarang tanda lain yang dikaitkan dengan Universiti Malaya. Cap dagangan ini telah didaftarkan dan dilindungi oleh Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan Cap Dagangan 1976 semenjak tahun 2008 ¹ .
-----------------------------------	--

¹ Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan Cap Dagangan 1976 telah dimansuhkan dan diganti dengan Akta Cap Dagangan 2019 dan Peraturan Cap Dagangan 2019

Jenama Universiti Malaya	Nama, istilah, rekabentuk, simbol atau ciri lain yang dikaitkan dengan Universiti Malaya dan boleh membezakan Universiti Malaya atau produknya daripada saingan (di mata pelanggan) oleh semua peringkat. Jenama ini akan digunakan di dalam pemasaran, perniagaan dan pengiklanan.
-----------------------------	---

Logo Universiti Malaya	Merupakan salah satu manifestasi jenama dan cap dagangan Universiti Malaya.
------------------------	---

 UNIVERSITI MALAYA	PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT		
	GARIS PANDUAN PENGGUNAAN CAP DAGANGAN UNIVERSITI MALAYA		
TARIKH SEMAKAN	5/04/2023	TARIKH KUATKUASA	21/07/2022
NO. SEMAKAN	2	HALAMAN	2 / 5

4. DOKUMEN RUJUKAN

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan dokumen berikut:

- (1) Polisi Penggunaan Jenama dan Cap Dagangan Universiti Malaysia;
- (2) Polisi Harta Intelek dan Pengkomersialan Universiti Malaysia; dan
- (3) Identiti Korporat Universiti Malaysia.

5. SYARAT-SYARAT DAN KRITERIA PENGGUNAAN

- (1) Warga UM termasuk semua entitinya, persatuan pelajar, kolej kediaman, staf atau pelajar boleh menggunakan cap dagangan UM bagi urusan rasmi pengurusan akademik / penyelidikan dan aktiviti harian tanpa perlu memohon kelulusan dari Universiti. Sebagai contoh, penggunaan logo UM di atas kepala surat rasmi, sampul surat rasmi, kad nama, kertas kerja, jurnal, tesis dan laporan rasmi dan paparan atau pada laman sesawang fakulti.
- (2) Program anjuran / anjuran bersama UM, entiti, persatuan pelajar, kolej kediaman, staf atau pelajar adalah dibenarkan menggunakan cap dagangan UM dengan syarat penganjuran program / aktiviti telah diluluskan oleh pihak berkuasa melulus, antaranya:
 - (i) seminar / persidangan / bengkel / forum / pameran peringkat antarabangsa yang telah diluluskan oleh Naib Canselor;
 - (ii) seminar / persidangan / bengkel / forum / pameran peringkat kebangsaan yang telah diluluskan oleh Pengarah Pusat Komunikasi Korporat;
 - (iii) program aktiviti pelajar yang telah diluluskan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) / Kesatuan Mahasiswa UM;
 - (iv) majlis / program peringkat entiti yang telah diluluskan oleh Ketua Entiti; dan
 - (v) aktiviti-aktiviti yang terkandung dalam dokumen perjanjian / kolaborasi / kerjasama yang menyatakan secara jelas mengenai penggunaan cap dagangan UM.
- (3) Penggunaan cap dagangan UM bagi aktiviti selain yang dinyatakan di 5(1) dan 5(2) di atas perlu melalui Pusat Komunikasi Korporat (CCC); contohnya jemputan sebagai penceramah / penyelidik bersama / hakim / ahli jawatankuasa atas kapasiti sebagai staf UM untuk tujuan akademik sahaja. Ceramah tersebut juga bukan untuk kepentingan peribadi atau mendapatkan keuntungan tertentu dalam politik dan perniagaan.
- (4) Penggunaan cap dagangan UM bagi perkara 5(1) hingga 5(3) adalah terhad kepada program / aktiviti yang telah diluluskan sahaja dan tidak melibatkan sebarang urusan komersial.
- (5) Bagi penggunaan cap dagangan UM untuk tujuan komersial, pemohon perlu memasuki satu perjanjian pelesenan cap dagangan bersama UM yang akan mengandungi terma-terma dan syarat-syarat mengenai harga pelesenan dan bayaran royalti daripada

 UNIVERSITI MALAYA	PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT		
	GARIS PANDUAN PENGGUNAAN CAP DAGANGAN UNIVERSITI MALAYA		
TARIKH SEMAKAN	5/04/2023	TARIKH KUATKUASA	21/07/2022
NO. SEMAKAN	2	HALAMAN	3 / 5

penggunaan cap dagangan UM serta tertakluk kepada perkara-perkara lain yang mengawal selia penggunaan cap dagangan UM secara komersial berdasarkan kepada Polisi Harta Intelek dan Pengkomersialan Universiti Malaya.

- (6) Permohonan penggunaan cap dagangan UM oleh mana-mana pihak termasuk individu, organisasi, syarikat dan agensi luar boleh dipertimbangkan dengan syarat penggunaan cap dagangan UM tersebut hendaklah untuk tujuan yang berkaitan dengan urusan rasmi UM sahaja.

6. TATACARA PERMOHONAN

- (1) Permohonan penggunaan cap dagangan UM hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh penggunaan.
- (2) Maklumat berikut perlu dinyatakan / dikemukakan bersama permohonan:
 - (a) **Tujuan penggunaan**, sama ada untuk tujuan hebahan dan publisiti program di *banner, bunting, backdrop, wall of fame*, poster, portal, media sosial atau apa jua bentuk promosi;
 - (b) **Tarikh / tempoh penggunaan**, iaitu tarikh mula program / aktiviti dan tarikh tamat program / aktiviti;
 - (c) **Rekaan** sepanduk, gegantung, *backdrop, wall of fame, poster, portal* atau sebarang bentuk hebahan yang menggunakan cap dagangan UM;
 - (d) **Latar belakang / maklumat dan atur cara penuh program**;
 - (e) **Certificate of incorporation** (bagi syarikat); dan
 - (f) **Dokumen sokongan lain** seperti kelulusan penganjuran / kebenaran penglibatan aktiviti dari Ketua Entiti / dokumen perjanjian dengan UM, surat rasmi kepada pihak tertentu untuk tujuan mendapatkan dana atau lain-lain dokumen berkaitan yang dapat menyokong permohonan penggunaan cap dagangan UM tersebut.
- (3) CCC akan memproses permohonan dengan merujuk kepada pihak yang berkaitan (sekiranya perlu) sebelum memaklumkan keputusan kepada pemohon.
- (4) Keputusan permohonan akan diberikan secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja.
- (5) UM berhak untuk menolak sebarang permohonan penggunaan cap dagangan UM yang didapati tidak bersesuaian dengan program atau aktiviti yang dijalankan.

7. PEMATUHAN TERHADAP PENGGUNAAN

- (1) Penggunaan cap dagangan UM perlu dipastikan hanya untuk penganjuran program / aktiviti yang tidak menyentuh sensitiviti dan keharmonian masyarakat dari segi agama, kaum, budaya serta tidak bertentangan dengan peranan dan tanggungjawab UM.

 UNIVERSITI MALAYA	PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT		
	GARIS PANDUAN PENGGUNAAN CAP DAGANGAN UNIVERSITI MALAYA		
TARIKH SEMAKAN	5/04/2023	TARIKH KUATKUASA	21/07/2022
NO. SEMAKAN	2	HALAMAN	4 / 5

- (2) Cap dagangan UM **TIDAK DIBENARKAN** untuk digunakan bagi tujuan komersial, kutipan sumbangan dan dana termasuk sebarang aktiviti yang bermotifkan keuntungan kepada pihak pemohon **kecuali telah mendapat kelulusan seperti di Perkara 5.**
- (3) UM berhak untuk menolak sebarang permohonan penggunaan cap dagangan UM yang didapati tidak bersesuaian dengan program atau aktiviti yang dijalankan.
- (4) Kebenaran penggunaan cap dagangan UM yang diberikan adalah bagi tempoh yang terhad yang dinyatakan secara bertulis dan tiada kelulusan terbuka diberikan.
- (5) Pemohon wajib bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan sebarang masalah atau kesulitan tidak berbangkit dalam penganjuran program mendapat kelulusan menggunakan cap dagangan UM agar tidak menjejaskan imej UM dan negara.
- (6) UM berhak untuk menarik balik atau membatalkan kelulusan penggunaan cap dagangan UM yang diberikan tanpa notis sekiranya pemohon menyalahgunakan cap dagangan UM dan didapati menyalahi undang-undang atau dianggap bertentangan atau tidak konsisten dengan reputasi, imej dan tujuan penggunaan.
- (7) UM adalah tidak bertanggungjawab untuk menanggung apa-apa bentuk liabiliti, isu, krisis yang terjadi kepada apa jua jenis program dan perkara-perkara lain yang berkaitan walaupun kelulusan penggunaan cap dagangan UM telah diberikan.

8. PENGUATKUASAAN

- (1) Penggunaan cap dagangan Universiti Malaya adalah tertakluk kepada kelulusan bertulis Universiti dan sebarang penggunaan tanpa mendapat kebenaran bertulis Universiti terlebih dahulu adalah dilarang.
- (2) Kegagalan untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pihak CCC berhak membatalkan kelulusan tanpa apa-apa notis.
- (3) Pihak Universiti melalui CCC berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap pemohon atau mana-mana pihak yang didapati menggunakan cap dagangan Universiti Malaya tanpa mendapatkan kebenaran Universiti atau sekiranya terdapat penyalahgunaan.

 UNIVERSITI MALAYA	PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT		
	GARIS PANDUAN PENGGUNAAN CAP DAGANGAN UNIVERSITI MALAYA		
TARIKH SEMAKAN	5/04/2023	TARIKH KUATKUASA	21/07/2022
NO. SEMAKAN	2	HALAMAN	5 / 5

9. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut berkenaan garis panduan ini boleh dikemukakan kepada CCC melalui e-mel corporate@um.edu.my

10. PENUTUP

Garis panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

Disediakan oleh:
Pusat Komunikasi Korporat
5 April 2023